

01 NOV 2003

Abdullah-Kejayaan (Rangkuman)

BN HARUS KERJA KUAT TERUSKAN KEJAYAAN DR MAHATHIR, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengajak pemimpin dan anggota Barisan Nasional (BN) memperkukuhkan kerjasama sesama mereka dan bekerja keras untuk menjamin kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya hanya menerusi kemenangan besar BN pilihan raya umum akan datang dapat menjamin segala kejayaan yang dicapai menerusi dasar-dasar di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dapat diteruskan.

Dalam ucapan sulungnya sebagai Perdana Menteri di hadapan kira-kira 30,000 orang sempena majlis sambutan kepulangannya di Lapangan Terbang Bayan Lepas di sini, beliau tidak mengumumkan apa-apa dasar baru sebaliknya menekankan perlunya rakyat terus menyokong dasar-dasar BN yang digubal di bawah Dr Mahathir.

Abdullah berkata sebagai seorang yang pernah bekerja sebagai timbalan pengerusi Umno dan BN, beliau mengetahui dasar-dasar yang dirancang oleh Dr Mahathir yang membawa banyak kemajuan kepada negara selama 22 tahun beliau memegang teraju negara.

Beliau berkata sebenarnya semua dasar yang digubal kerajaan BN semasa Dr Mahathir digubal atas nama muafakat parti-parti komponen BN.

"Dasar itu dapat dilaksanakan apabila semua jentera parti (BN) dan rakyat memberi sokongan untuk membolehkan negara terus maju," kata beliau.

Abdullah berkata hasil sokongan itu juga memberi kekuatan kepada BN menubuhkan kerajaan dengan kelebihan dua pertiga kerusi dalam pilihan raya-pilihan raya lepas.

Oleh demikian, beliau berkata anggota BN perlu bekerja lebih kuat bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang supaya mendapat kemenangan lebih besar berbanding pada tahun 1999.

"Inilah harapan saya. Saya tidak minta tuan-tuan bekerja untuk saya, tetapi perlu bekerja bersama-sama saya untuk bangsa, agama dan negara," katanya.

Beliau berkata tidak ada mana-mana pemimpin pun yang boleh berjaya tanpa sokongan padu daripada anggota-anggota parti, kawan-kawan dan masyarakat.

Beliau meminta setiap anggota BN supaya memastikan BN terus maju dan berjaya serta sentiasa memberikan khidmat yang cemerlang kepada rakyat.

"Kita berpegang kuat kepada prinsip kerja kuat antara kaum dan berkongsi kuasa dalam kerajaan. Kita juga mengutamakan muafakat dan kerjasama dalam menjalankan tanggungjawab kita," katanya.

Turut hadir pada majlis sambutan itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Perak Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Abdullah berkata beliau bersyukur kerana mewarisi sebuah kerajaan yang sungguh berkesan dan berjaya serta negara yang termaju antara negara membangun hasil kepimpinan Dr Mahathir.

Sementara itu, dalam ucapannya sempena majlis sambutan kepulangannya di Kepala Batas kemudian, Abdullah menegaskan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri bukan merupakan satu kebesaran buat diri atau keluarganya.

Sebaliknya, tegas beliau, pelantikan itu lebih merupakan satu tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk memastikan pembangunan bangsa dan negara berterusan.

Abdullah menegaskan amanah itu perlu dijaga dengan baik, dan beliau meminta kerjasama semua pihak dalam menjalankan tugasnya dengan berkesan.

Abdullah yang juga anggota Parlimen kawasan itu berharap supaya beliau dikurniakan kesihatan baik oleh Allah dan petunjuk untuk menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

"Saya mohon kerjasama tuan-tuan mendoakan saya sentiasa sihat dan diberi petunjuk sepanjang masa untuk memberikan kebaikan kepada semua kaum di negara ini," kata Abdullah yang mengambil sumpah jawatan semalam menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang berundur selepas berkuasa 22 tahun.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada beliau sehingga menamakannya sebagai pengganti.

Kepulangan Abdullah ke negeri kelahirannya selepas mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara semalam turut disambut meriah oleh para pemimpin dan anggota parti komponen BN, wakil dan pekerja syarikat swasta, pelajar sekolah dan kolej serta orang awam.

Anggota komponen BN membawa pelbagai sepanduk, antaranya tertulis "Ke Era Baru Bersama YAB Pak Lah", "Pak Lah Anak Pulau Pinang Yang Kita Semua Bangga dan Sayangi", dan "Tahniah Pak Lah, Sokongan Padu Sentiasa Bersama Mu."

Ribuan rakyat turut menyambut kepulangannya di Kepala Batas untuk menemui ibunya Datuk Kailan Hassan di rumah keluarganya di Jalan Perak untuk mendapatkan restu atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri.

Abdullah yang menaiki kereta dari lapangan terbang diiringi konvoi beratus-ratus motosikal berkuasa tinggi melalui Jalan Tun Dr Awang menuju ke Bulatan Bayan Baru dan Lebuhraya Bayan Lepas sebelum melalui Jambatan Pulau Pinang.

Rombongan Abdullah itu kemudiannya disertai beratus-ratus lagi motosikal berkuasa tinggi yang menunggu di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang, menuju ke Kepala Batas di mana majlis sambutan tidak kurang meriahnya telah diatur.

Lebih kurang 10,000 orang berbaris sejauh kira-kira tiga kilometer di sepanjang jalan dari Plaza Tol Bertam, Lebuhraya Utara Selatan dekat sini hingga ke pekan ini untuk menyambut Abdullah yang diiringi oleh konvoi motosikal dari Lapangan Terbang Bayan Lepas.

Walaupun hujan lebat ketika beliau berucap, orang ramai yang datang untuk meraikan kepulangan beliau tetap tidak berganjak dan terus mendengar ucapannya.

Abdullah juga berjanji kepada penduduk Kepala Batas yang diwakilinya sejak 1978 untuk terus membangunkan kawasan itu kerana tempat itu menjadi titik permulaan kerjaya politiknya.

Selepas berucap, beliau menuju ke rumah ibunya di mana beliau bersama-sama anggota keluarganya berbuka puasa.

Beliau kemudian menunaikan solat Isyak dan tarawih di Majlis Jamek Jamiul Badawi di seberang jalan rumah ibunya.

-- BERNAMA

SA AA ZU NH ZS ROS